Dasar Strategik Pelaksanaan 11.2

Daerah-daerah Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Jempol dan Jelebu mempunyai prospek yang baik bagi menggalakkan pembangunan industri berasaskan sumber khususnya hasil pertanian, perhutanan dan sumber mineral bukan logam. Selain mendalami kelompok industri kimia, getah dan plastik, elektrik dan elektronik serta kelompok industri binaan logam dan peralatan pengangkutan, Negeri Sembilan perlu memberi keutamaan kepada kelompok industri berasaskan sumber terutama industri berasaskan hasil pertanian, industri makanan dan minuman selain sumber jaya baru khususnya industri bioteknologi. Ia bertujuan mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber asli sedia ada yang belum diterokai sepenuhnya. Ia adalah bersesuaian dengan usaha bagi membangunkan daerah-daerah ini sebagai kawasan pembangunan agropolis (Daerah Jempol, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin) dan kawasan pembangunan biodiversiti (Daerah Jelebu) (**Rajah 5.7**).

DSP 11.2

MEMBANGUN DAN MENGGALAKKAN INDUSTRI MAKANAN DAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI KORIDOR INDUSTRI SEDIA ADA DI DAERAH REMBAU, KUALA PILAH, TAMPIN, JEMPOL DAN JELEBU KHUSUSNYA KORIDOR SIMPANG PERTANG-BAHAU-KUALA PILAH

Langkah-langkah Pencapaian

i. Menggalakkan pembangunan pusat industri asas tani dan industri berasaskan sumber.
ii. Menyediakan pelbagai kemudahan sokongan industri.
iii. Pembangunan industri hub halal di Pedas-Rembau
iv. Cadangan pembangunan kompleks Bio-Valley di Daerah Jelebu serta pusat penyelidikan dan pembangunan bioteknologi.

Cadangan Projek / Program

i. Pengukuhan penyediaan kemudahan infrastruktur, utiliti dan perkhidmatan sokongan
ii. Penyediaan kawasan industri terancang baru yang komprehensif dalam zon industri yang ditetapkan.

Inisiatif Pembaharuan Strategik

i. Pengukuhan penyediaan kemudahan infrastruktur, utiliti dan perkhidmatan sokongan
ii. Penyediaan kawasan industri terancang baru yang komprehensif dalam zon industri yang ditetapkan.

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045

Rajah 5.7

KORIDOR PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN NEGERI SEMBILAN 2045

Petunjuk

- *Kawasan Tepu Bina / Komited*
- *Kawasan Potensi Pembangunan 2045*
- *Kawasan Perindustrian*
- *Koridor Pembangunan Perindustrian*

Lain - Lain Petunjuk :

- *Cadangan / Naik Taraf Jalan Raya*
- *Jalan Raya Utama Sedia Ada*
- *Cadangan Lebuh Raya*
- *Lebuh Raya Utama Sedia Ada*
- *Cadangan Laluan Keretapi*
- *Laluan Keretapi Sedia Ada*

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Kriteria	Semasa	2020	2045
% kawasan perindustrian yang diduduki	65%	75%	90%
Purata bilangan pekerja / hektar industri	40 pekerja / hektar	35 pekerja / hektar	25 pekerja / hektar
% sumbangan sektor perindustrian kepada KDNK Negeri	45%	40%	35%

Agensi Pelaksana

i. UPEN Negeri Sembilan
ii. Negeri Sembilan Investment Centre
iii. PKNNS
iv. *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA)
v. Sektor swasta
vi. Usaha sama sektor awam/swasta

Dasar Strategik Pelaksanaan 11.3

Negeri Sembilan sedang mengalami proses peralihan pembangunan daripada industri berintensif tenaga buruh kepada industri berteknologi tinggi berasaskan pengetahuan. Selaras dengan era globalisasi, pengautomasian operasi dengan teknologi terkini dan penggunaan modal yang tinggi menjadi keutamaan pelabur industri bagi meningkatkan produktiviti dan menghasilkan produk bermutu tinggi. Peningkatan nilai tambah setiap pekerja akan menjadi pengukur kemajuan sektor perindustrian di Negeri Sembilan.

DSP 11.3 MEMPERTINGKATKAN KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN TENAGA KERJA INDUSTRI SELARAS DENGAN PERUBAHAN ORIENTASI, OPERASI DAN TEKNOLOGI INDUSTRI

Langkah-langkah Pencapaian

i. Meningkatkan sistem latihan dan pendidikan oleh institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Sasaran utama ialah menjadikan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai pusat pembangunan sumber manusia di Negeri Sembilan. Antara peranan utama UiTM dan USIM ialah pengembangan dan peningkatan program latihan pendidikan, teknikal dan vokasional, mengawasi program latihan, menguatkuasakan kawalan mutu dalam latihan dan mewujudkan sistem latihan teknikal yang bersepadu dan

komprehensif bagi mengoptimumkan potensi tenaga kerja industri.

ii. Menggalak dan meningkatkan latihan industri secara insitu (*industrial campus*) ke atas pelabur dan pengusaha industri.

iii. Memperluaskan kemudahan latihan dalam institusi awam/ agensi kerajaan.

iv. Menggalakkan lebih banyak aktiviti penyelidikan dan pembangunan di kalangan pertubuhan IKS.

v. Memperkasakan peranan `*Negeri Sembilan Skill Development Centre*' (*NSSDC*) bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Cadangan Projek / Program

Cadangan Kompleks Pusat Keusahawanan dan Latihan Kemahiran Tinggi di Kuala Pilah dan Nilai

Inisiatif Pembaharuan Strategik

Melahirkan kumpulan tenaga kerja industri berkemahiran tinggi, berpengetahuan dan terlatih.

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Kriteria	Semasa	2020	2045
Purata bilangan pekerja / hektar industri	40 pekerja / hektar	35 pekerja / hektar	25 pekerja / hektar

Agensi Pelaksana

i. MARA Negeri Sembilan
ii. UPEN Negeri Sembilan
iii. PKNNS
iv. *Negeri Sembilan Skill Development Centre* (*NSSDC*)
v. Sektor Swasta

5.2.4 Dasar Perancangan Utama 12

Sektor pelancongan memainkan peranan utama di dalam meningkatkan tahap pembangunan ekonomi negeri ke peringkat antarabangsa. Program pelancongan mampan yang dirancang dengan baik dapat memberi peluang kepada pelancong untuk menikmati keindahan dan keunikan sumber-sumber pelancongan yang terdapat di Negeri Sembilan.

Pada tahun 2009, bilangan pelancong yang melawat Negeri Sembilan adalah 2.10 juta orang dan kadar penghunian hotel adalah 45.3%. Bagi memastikan Negeri Sembilan menjadi destinasi pilihan utama pelancong domestik dan antarabangsa, bilangan pelancong yang datang seramai 18.15 juta dan kadar penghunian hotel sebanyak 65% disasarkan pada tahun 2045.

Program transformasi ekonomi negeri dan pelaksanaan projek mega negara bertaraf tinggi khususnya MVV dijangka akan memberi impak tinggi kepada senario pembangunan ekonomi Negeri Sembilan dan antaranya adalah sektor pelancongan. Koridor perbandaran di Daerah Seremban dan Port Dickson mempunyai kekuatan berasaskan perletakannya berhampiran Lembah Klang dan bersebelahan dengan *Greater* Kuala Lumpur.

Manakala daerah-daerah lain di Negeri Sembilan mempunyai kelebihan sebagai pembangunan biodiversiti yang akan mempromosi Daerah Jelebu sebagai lembah biodiversiti dan pelancongan eko negeri. Pembangunan agropolis yang meliputi Daerah Tampin, Jempol, Kuala Pilah dan Rembau akan menyokong pencapaian Negeri Sembilan sebagai pengeluar makanan utama kepada Lembah Klang. Selain pelancongan eko, pelancongan agro akan turut menjadi teras pembangunan pelancongan terutama di Daerah Tampin dan Jempol.

DPU 12

MEMBANGUNKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN PELANCONGAN NEGERI SEMBILAN SECARA BERSEPADU DI KORIDOR PERBANDARAN SEREMBAN-NILAI-PORT DICKSON DAN KORIDOR LUAR BANDAR NEGERI SEMBILAN

Dasar Strategik Pelaksanaan 12.1

Daerah Seremban berperanan sebagai pusat pentadbiran, kebudayaan, pelajaran dan perkhidmatan perdagangan utama Negeri Sembilan. Bandar Seremban dengan penduduk melebihi setengah juta orang adalah ibu negeri Negeri Sembilan yang berperanan sebagai Pusat Wilayah Negeri. Salah satu kekuatan yang dimiliki oleh Bandar Seremban adalah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan perbandaran seperti produk pelancongan bandar, pusat perkhidmatan agensi pelancongan, pusat penginapan, kemudahan pengangkutan awam, pusat teknologi maklumat dan multimedia dan lain-lain yang disediakan untuk kemudahan pelancong dan pengunjung.

Pelan Pembangunan *MVV* turut mengenal pasti Bandar Seremban sebagai Daerah Perdagangan Pusat (*CBD*) yang akan menawarkan pelbagai perkhidmatan perdagangan taraf tinggi bagi menyokong pembangunan di kawasan Konurbasi Kuala Lumpur. Justeru itu, adalah wajar untuk mengambil langkah-langkah bagi memperkukuhkan Daerah Seremban sebagai pusat perkhidmatan pelancongan negeri dan destinasi pelancongan bandar.

DSP 12.1 MEMPERKUKUHKAN PEMBANGUNAN DAERAH SEREMBAN SEBAGAI PUSAT PERKHIDMATAN PELANCONGAN NEGERI DAN DESTINASI PELANCONGAN BANDAR

Langkah-langkah Pencapaian

i. Meningkat dan memperkukuhkan produk tarikan bandar sedia ada di koridor Seremban-Nilai khususnya:
   - Produk pelancongan kebudayaan, seni dan warisan sejarah
   - Produk pelancongan makanan dan membeli-belah
   - Produk pelancongan kesihatan
   - Produk pelancongan pendidikan
   - Produk pelancongan sukan dan rekreasi

ii. Penganjuran pelbagai program pelancongan bandar secara berkala (bulanan / suku tahunan / setahun) seperti acara berbasikal, pertandingan produk kraf dan seni lukis, acara kebudayaan dan adat resam Negeri Sembilan, program pelancongan makanan dan sebagainya.

iii. Meningkatkan penyediaan kemudahan perbandaran taraf tinggi khususnya kemudahan penginapan, kemudahan mesyuarat dan pameran serta pusat membeli-belah dan makanan.

iv. Meningkatkan penyediaan kemudahan pendidikan tinggi khususnya di koridor Seremban-Mantin-Nilai untuk menjadikan pelancongan pendidikan sebagai '*niche market*'.

v. Meningkatkan penyediaan kemudahan pusat perubatan, penjagaan kesihatan dan kesejahteraan diri khusus di koridor Seremban-Nilai.
vi. Mempertingkatkan promosi secara berterusan dan berkesan dengan memberi fokus kepada pasaran baru pelancong dari dalam dan luar negara.
vii. Meningkatkan tahap kecekapan sistem teknologi maklumat (*ICT*) mengenai produk-produk pelancongan bandar dalam Daerah Seremban.
viii. Meningkatkan tahap kecekapan, kemahiran dan hospitaliti tenaga kerja dalam industri pelancongan.

Cadangan Projek / Program

i. Hutan Simpan Galla sebagai Taman Wilayah
ii. Mengukuhkan Bandar Nilai sebagai Lembah Ilmu dan Bandar Perubatan
iii. Penjenamaan (b*randing*)
iv. Infrastruktur ICT

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Kriteria	Semasa	2020	2045
Jumlah pelancong Negeri Sembilan	5 juta	7.25 juta	18.15 juta
Kadar penghunian (*occupancy rate*) di hotel-hotel yang terdapat di Negeri Sembilan	43.6%	70%	85%
Jumlah bilik penginapan di Negeri Sembilan	7,993	11,037	16,528

Agensi Pelaksana

i. UPEN Negeri Sembilan
ii. PKNNS
iii. Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan
iv. PBT
v. Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
vi. Kementerian Pendidikan Tinggi
vii. IPTA/ IPTS
viii. NGO
ix. Sektor Swasta

Dasar Strategik Pelaksanaan 12.2

Daerah Port Dickson amat terkenal sebagai destinasi pelancongan pantai kepada penduduk di kawasan Lembah Klang dan wilayah tengah negara khususnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Bandar Port Dickson telah dikenal pasti sebagai bandar pelancongan pantai barat Semenanjung Malaysia seperti yang ditetapkan dalam kajian Rancangan Fizikal Negara (RFN) iaitu bandar ciri-ciri khas. Projek mega negara iaitu pelan pembangunan *MVV* turut menetapkan Daerah Port Dickson sebagai pusat pelancongan utama negeri bertemakan peranginan pantai dan kesejahteraan diri (wellness). Projek mega yang akan dilaksanakan dalam Daerah Port Dickson khususnya koridor Lukut-Port Dickson adalah pembangunan pesisiran pantai iaitu *`River & Eco Resort City', `Waterfront City'* dan *`International Resort & Leisure'*. Maka adalah wajar untuk mengambil langkah-langkah bagi memperkukuhkan Daerah Port Dickson sebagai pusat pelancongan pantai barat negara dan destinasi pelancongan antarabangsa.

DSP 12.2 MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN DAERAH PORT DICKSON SEBAGAI BANDAR PANTAI PERANGINAN NEGARA

Langkah-langkah Pencapaian

i. Menyediakan Pelan Induk Pelancongan Port Dickson untuk perancangan dan pengurusan pembangunan pelancongan daerah.
ii. Meningkat dan memperkukuhkan kekuatan produk tarikan pelancongan sedia ada di Daerah Port Dickson khususnya
   - Produk pelancongan eko khususnya rangkaian pantai-pantai, pulau-pulau dan kawasan hutan simpan.
   - Produk pelancongan agro
   - Produk pelancongan kebudayaan, seni dan warisan sejarah khususnya muzium dan kompleks sejarah
   - Produk pelancongan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa
   - Produk pelancongan pendidikan
   - Produk pelancongan kesihatan
iii. Mempertingkatkan penyediaan kemudahan penginapan pelbagai kategori dan berkualiti.
iv. Meningkatkan penyediaan kemudahan mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (*MICE*) bertaraf tinggi.
v. Menganjurkan pelbagai program kebudayaan dan kesenian sebagai tarikan pelancong.
vi. Mempertingkatkan penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti serta perhubungan antara Daerah Port Dickson dengan daerah dan negeri berjiran.

vii. Mempertingkatkan dan menaik taraf kemudahan jeti sedia ada bagi menarik kedatangan pelancong tempatan dan asing terutama dari Indonesia dan Singapura.
viii. Meningkatkan penyediaan kemudahan sokongan untuk keselesaan pelancong dan pengunjung terutama pusat informasi pelancong, khidmat pengangkutan awam, landskap seni taman dan lain-lain.
ix. Meningkatkan penyertaan penduduk tempatan, sektor awam dan swasta secara bersepadu dalam membangunkan produk pelancongan.
x. Menjalankan kerja-kerja pengindahan bandar dan pemeliharaan alam sekitar untuk tarikan pelancongan.
xi. Meningkatkan tahap kecekapan, kemahiran dan hospitaliti tenaga kerja dalam industri pelancongan.

Cadangan Projek / Program

i. *River & Eco Resort City,* Port Dickson (*MVV*)
ii. *Waterfront City,* Port Dickson (*MVV*)
iii. *International Resort & Leisure,* Port Dickson (*MVV*)

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Kriteria	Semasa	2020	2045
Jumlah pelancong Negeri Sembilan	5 juta	7.25 juta	18.15 juta
Kadar penghunian (*occupancy rate*) di hotel-hotel yang terdapat di Negeri Sembilan	43.6%	70%	85%
Jumlah bilik penginapan di Negeri Sembilan	7,993	11,037	16,528

Agensi Pelaksana

i. UPEN Negeri Sembilan
ii. PKNNS
iii. Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan
iv. MPPD
v. Sektor swasta

Dasar Strategik Pelaksanaan 12.3

Daerah Kuala Pilah telah dikenal pasti sebagai pusat kepada produk tarikan adat istiadat, sosiobudaya masyarakat dan sejarah Negeri Sembilan. Ia terletak di tengah-tengah koridor pelancongan adat, sosiobudaya masyarakat dan sejarah negeri khususnya koridor Rembau-Kuala Pilah-Ayer Hitam. Tumpuan produk kebudayaan dan warisan sejarah adalah di Bandar DiRaja Seri Menanti yang terkenal dengan tarikan adat istiadat DiRaja dan sejarah pentadbiran negeri. Sehubungan itu, langkah-langkah disediakan bagi memperkukuhkan Daerah Kuala Pilah sebagai pusat pelancongan kebudayaan, seni dan warisan sejarah.

DSP 12.3 MEMPERKUKUHKAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAERAH KUALA PILAH SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN KEBUDAYAAN, SENI DAN WARISAN SEJARAH

Langkah-langkah Pencapaian

i. Mengukuhkan tarikan produk adat istiadat, sosiobudaya dan cara hidup masyarakat negeri sebagai imej pelancongan serta `*niche product*' bagi Negeri Sembilan.
ii. Membangunkan tahap kefahaman dan kecintaan masyarakat kepada budaya dan adat perpatih negeri di kalangan generasi sedia ada dan masa hadapan.
iii. Meningkat dan mengukuhkan kekuatan produk tarikan sedia ada khususnya :
   - Warisan adat perpatih dan adat istiadat DiRaja
   - Perkampungan warisan budaya
   - Program inap desa dan acara pesta kebudayaan tahunan
   - Rangkaian muzium dan tapak sejarah
   - Tugu dan makam
iv. Produk tarikan sokongan:
   - Produk pelancongan eko
   - Produk pelancongan agro
   - Produk pelancongan pendidikan
   - Produk pelancongan sukan dan rekreasi
v. Mempertingkatkan kemudahan pelancongan pendidikan, mesyuarat, penginapan dan ruang pameran.
vi. Mempertingkatkan kempen promosi secara berterusan dan berkesan dengan memberi fokus kepada pasaran baru pelancong dari dalam dan luar negara.
vii. Meningkatkan kerja-kerja penyelenggaraan produk-produk pelancongan agar sentiasa bersih dan menarik.

viii. Meningkatkan penyediaan kemudahan sokongan untuk keselesaan pelancong dan pengunjung terutama pusat informasi pelancong, khidmat pengangkutan awam, landskap senitaman, tandas awam dsbnya.
ix. Meningkatkan tahap kecekapan, kemahiran dan hospitaliti tenaga kerja dalam industri pelancongan

Cadangan Projek / Program

i. Promosi Bandar Kuala Pilah dan Seri Menanti sebagai bandar tradisional dan kebudayaan warisan Negeri Sembilan.
ii. Melancarkan festival kebudayaan dan adat istiadat perpatih Negeri Sembilan.

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Kriteria	Semasa	2020	2045
Jumlah pelancong Negeri Sembilan	5 juta	7.25 juta	18.15 juta
Kadar penghunian (*occupancy rate*) di hotel-hotel yang terdapat di Negeri Sembilan	43.6%	70%	85%
Jumlah bilik penginapan di Negeri Sembilan	7,993	11,037	16,528

Agensi Pelaksana

i. PBT
ii. UPEN Negeri Sembilan
iii. Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan
iv. Jabatan Warisan Negara
v. Sektor swasta

Dasar Strategik Pelaksanaan 12.4

53.3% daripada guna tanah Daerah Jelebu adalah kawasan hutan simpan kekal yang membentuk sebahagian daripada banjaran utama *Central Forest Spine* Semenanjung Malaysia. Ia meliputi kawasan Hutan Simpan Kenaboi, Hutan Simpan Triang dan Hutan Simpan Berembun yang berperanan sebagai kawasan tadahan air, kawasan perlindungan hidupan liar dan hutan simpan dara. Ia menyimpan pelbagai khazanah semula jadi dan hasil hutan yang perlu dipelihara secara mampan selaras dengan statusnya sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Dasar Strategik Pelaksanaan 12.7

Negeri Sembilan memiliki 290 bilangan produk warisan daripada seluruh daerah (**Rajah 5.8**). Hanya 1 produk yang telah diangkat oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) sebagai produk Warisan Kebangsaan iaitu Istana Seri Menanti di Kuala Pilah. Manakala, terdapat 11 produk telah berdaftar sebagai Senarai Warisan di bawah JWN dan 7 produk warisan yang masih dalam permohonan kelulusan untuk diwartakan. Sektor Warisan dan Sejarah merupakan salah satu sektor yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri Sembilan terutama kepada sektor pelancongan. Infrastruktur pelancongan juga perlu dibangunkan secara bersepadu bagi menyokong pembangunan produk-produk pelancongan agar lebih berdaya saing.

Bagi menghargai produk warisan dan sejarah yang terdapat di Negeri Sembilan, usaha untuk memperkukuhkan nilai keunikan produk adalah dengan mewartakan serta memelihara keaslian warisan agar tidak luput ditelan zaman.

DSP 12.7 MEWARTAKAN PRODUK WARISAN DAN SEJARAH NEGERI SEMBILAN BAGI TUJUAN PEMELIHARAAN ASET SEDIA ADA

Langkah-langkah Pencapaian

i. Mewartakan produk-produk warisan dan sejarah yang berkepentingan dan mempunyai nilai keunikan di kesemua daerah di Negeri Sembilan.
ii. Mengenal pasti jenis dan lokasi produk warisan dan sejarah untuk diberi perhatian sebagai tumpuan utama.
iii. Menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan produk warisan bagi memperkukuhkan tarikan pelancongan.
iv. Menekankan setiap elemen keunikan produk warisan seperti reka dan rupa bentuk bangunan (kedai dan rumah), struktur bangunan / kawasan, serta usia bangunan / monumen tersebut.
v. Mewujudkan rangkaian produk pelancongan warisan di antara keseluruhan daerah melalui pakej-pakej pelancongan yang bersepadu *(Heritage Trail)*.
vi. Mempromosikan keistimewaan produk warisan dan sejarah kepada pihak luar secara menyeluruh.
vii. Memberi penekanan kepada elemen *tangible* bagi menggalakkan penonjolan keunikan warisan, kebudayaan dan cara hidup komuniti tempatan.
viii. Mewujudkan sistem *revenue capture* yang berkesan supaya sebahagian daripada pendapatan yang diperolehi daripada

pelancongan warisan dapat digunakan untuk mempertingkatkan kualiti persembahan / *tourist experience.*

ix. Melaksana dan menguatkuasakan perundangan dan garis panduan yang berkaitan dengan pemeliharaan warisan.

x. Memilih zon-zon tindakan pemuliharaan dan pemeliharaan yang melambangkan ciri-ciri dan kepentingan pada zon-zon tersebut.

xi. Menghadkan pembangunan di dalam zon warisan sejarah berpandukan garis panduan pembangunan dalam kawasan konservasi.

Cadangan Projek / Program

i. Menyediakan inventori produk warisan dan sejarah yang lengkap bagi memudahkan kerja-kerja pemeliharaan dijalankan.

ii. Mewartakan Gua Pelangi yang terletak di kompartmen 81, Hutan Simpan Pasoh sebagai tapak arkeologi negeri.

Inisiatif Pembaharuan Strategik

Mengezonkan Bandar Seri Menanti sebagai 'Bandar DiRaja'.

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Daerah	Produk Semasa Yang Berdaftar Dengan JWN	Dalam Proses Kelulusan JWN	Cadangan Produk Untuk Diwartakan*						
			2020	2025	2030	2035	2040	2045	Jumlah
Seremban	7	2	2	2	2	2	2	3	**13**
Port Dickson	2	-	1	1	-	1	1	1	**5**
Rembau	-	-	1	1	1	2	2	2	**9**
Kuala Pilah	1	3	2	3	3	3	3	3	**17**
Jempol	-	-		2	1	1	1	1	**6**
Jelebu	1	1	1	2	2	2	2	2	**11**
Tampin	1	1	1	1	2	1	-	-	**5**
Jumlah	**12**	**7**	**8**	**12**	**11**	**12**	**11**	**12**	**66**

Perincian senarai produk warisan adalah seperti **Jadual 5.11.**

Agensi Pelaksana

i. Jabatan Warisan Negara
ii. Lembaga Muzium Negeri Sembilan
iii. JPBD Negeri Sembilan
iv. PBT mengikut daerah berkaitan

Rajah 5.8:
Taburan Produk Warisan di Negeri Sembilan

i. Terdapat 290 produk warisan di Negeri Sembilan.

ii. Hanya 1 produk warisan telah berdaftar sebagai Warisan Kebangsaan JWN iaitu Istana Seri Menanti, Kuala Pilah.

iii. Terdapat 11 produk warisan yang telah berdaftar sebagai Sumurai Warisan JWN sehingga tahun 2015.

iv. Masih terdapat 7 produk warisan dalam proses permohonan untuk mendapatkan kelulusan JWN.



Jadual 5.13:
Senarai Produk Warisan Yang Berpotensi Untuk Didaftar di Bawah JWN

Daerah	Bangunan / Monumen	Masjid	Rumah	Makam	Tapak Bersejarah	Jumlah
Seremban	1. Mahkamah Sekyen Seremban 1912 2. Bangunan BSN (MPS) 1920 3. Bangunan JBA (Bomba) 1920 4. Bangunan Ban Joo Lee (Balai Polis Lama) 5. Stesen Keretapi Seremban 1910 6. Vivekananda Hall 1917	1. Masjid Kariah Pantai 1890 2. Masjid Jamek Dato Bandar Rasah 1875	1. Rumah Dato' Undang Kelana Maamor 1889	1. Makam Dato' Semerga 2. Makam Tuanku Tambusai 3. Makam Di Kawasan Masjid Jamek Dato' Bandar Haji Ahmad Bin Haji Ali Rasah	1. Stesen Keretapi Seremban 1901	13
Port Dickson	1. Kompleks Pengkalan Kempas 2. Muzium Kor Armor Di Raja 1952 3. Rumah Api Tanjung Tuan/Rumah Api Cape Rechado, Tanjung Tuan 1817	1. Masjid Kariah Janging 1930	-	1. Makam Tn. Hj. Sheikh Jamaluddin 1920	-	5
Rembau	1. Replika Istana Raja Melewar, Kota Negeri Sembilan	1. Masjid Seberang Paya (Rembau) 1917 2. Masjid Kariah Nerasau 3. Masjid Lama Selemak 4. Surau Batu Undang Suluh, Kg.Gadong	1. Rumah Hajjah Maimunah 1900 2. Rumah Hajjah Saffiah 1926	1. Makam Dato' Ipap 2. Makam Raja Melewar	-	9

Daerah	Bangunan / Monumen	Masjid	Rumah	Makam	Tapak Bersejarah	Jumlah
Kuala Pilah	1. Bangunan Lama Stesen Minyak Shell 2. Tugu Martin Lister, Kuala Pilah 3. Istana Besar Sri Menanti 4. Tokong Sim Tong 5. Kuil Sri Khanantasamy 6. Bangunan Kedai Jalan Yam Tuan Radin 7. Muzium Diraja Seri Menanti 1902 8. Istana Ampang Tinggi 9. Istana Lama Seri Menanti	1. Masjid Dato' Muar 1915 2. Masjid Lama Kampung Kuala Jemapoh 3. Masjid Kariah Kuala Talang (Tuan Tulis)	1. Rumah Telapak YAM Dato' Kamat Bin Haji Sulaiman Undang Luak Johol Ke-9 (1918-1947) 2. Rumah Tuan Haji Salleh bin Abdul Wahab	-	1. Lembah Batu Megalitik 2. Tapak Megalith Kampung Gedang Terachi (Makam Tok Patah) 3. Tapak Megalith Kampung Terachi Batu 15 ½	17
Jempol	1. Balai Polis Lama Mahsan 1945 2. Istana Muda Serting 1931 3. Tugu Peringatan Sg. Lui 4. Bangunan Lama Sekolah Kebangsaan Serting Hilir, Batu Kikir	1. Masjid Bandar Seri Jempol	1. Rumah Pekerja Stesen Keretapi Bahau	-	-	6
Jelebu	1. Bangunan Balai Polis Lama Simpang Pertang 2. Bangunan Majlis Daerah Jelebu 3. Meriam Dato' Undang Abdullah	1. Masjid Lama Bunga Tanjung (Jelebu)1920 2. Masjid Kuala Dulang 3. Masjid Lama Kampung Peradong	1. Rumah Tradisional Pak Itam 2. Rumah Tradisional Kg. Kampai 3. Rumah Penghulu Syed Ali 4. Rumah Haji Istanbul Bin Haji Pengeran 5. Rumah Haji Makmur	-	-	11
Tampin	1. Bangunan Stesen Keretapi, Tampin 2. Balai Rasmi Yang Teramat Mulia (YTM) Tunku Besar Tampin	-	1. Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tampin	1. Makam Dato' Nisan Tinggi, Kg. Seri Repah	1. Tugu Peringatan Perang Sg. Kelamah	5
Jumlah	**28**	**14**	**12**	**7**	**5**	**66**

Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

5.2.5 Dasar Perancangan Utama 13

Pertumbuhan ekonomi yang rancak dan dinamik di bahagian barat Negeri Sembilan melalui *MVV* dan Konurbasi Kuala Lumpur secara keseluruhan akan meningkatkan permintaan ke atas pelbagai jenis bahan makanan, produk industri agro dan permintaan kawasan rekreasi, riadah dan pelancongan berasaskan agro. Kedudukan Negeri Sembilan yang hampir dengan pintu masuk utama negara (KLIA1 dan KLIA 2) dan pembinaan HSR dari Singapura ke Kuala Lumpur akan meningkatkan tahap kemudahsampaian wilayah dan antarabangsa.

Hala tuju kerajaan negeri adalah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan bagi memenuhi permintaan penduduk Negeri Sembilan dan kawasan sekitarnya. Sektor pertanian, penternakan dan perikanan dilihat memainkan peranan penting sebagai salah satu asas ekonomi utama yang dibangunkan untuk mencapai visi kerajaan Negeri Sembilan iaitu `Memakmurkan Negeri dan Mensejahterakan Rakyat'.

Berasaskan kepada hala tuju dan visi ini, secara reruang dan strategik, dicadangkan sebahagian kawasan timur Negeri Sembilan boleh berfungsi sebagai pusat dan wilayah pengeluaran makanan atau *'kitchen'* kepada konurbasi perbandaran primer ini.

DPU 13

DAERAH JEMPOL, TAMPIN, REMBAU DAN KUALA PILAH DIBANGUN BERTERASKAN KONSEP AGROPOLITAN

Dasar Strategik Pelaksanaan 13.1

Sektor penternakan Negeri Sembilan merupakan komponen agropolitan yang maju dan menjadi penyumbang terbesar kepada Taraf Sara Diri (*Self Sufficient Level (SSL)*) negeri yang tinggi bagi sektor pengeluaran makanan. Hasil ternakan seperti telur ayam, daging ayam dan susu segar mencapai SSL yang tinggi dan mampu membekalkan ke Lembah Klang.

DSP 13.1 MENJADIKAN NEGERI SEMBILAN SEBAGAI PENGELUAR UTAMA MAKANAN HASIL TERNAKAN BERASASKAN DAGING DAN TELUR

Langkah-langkah Pencapaian

i. Mempergiatkan penyertaan penternak tempatan dan sektor swasta.
ii. Meningkatkan kerjasama dengan lain-lain agensi dan universiti-universiti berkaitan yang terlibat dalam industri ternakan.
iii. Membangunkan industri ternakan berteraskan aplikasi teknologi (reban ayam tertutup dan penggunaan mesin dalam mengatasi permasalahan tenaga buruh).
iv. Menjalankan pengubahsuaian dan adaptasi penggunaan teknologi (penggunaan EM untuk tujuan kawalan pencemaran dan meningkatkan kadar pertukaran makanan serta menukarkan tinja kepada biogas).
v. Mewujudkan kawasan / zon pengeluaran ternakan ruminan dan unggas di Daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu dan Tampin. Manakala Daerah Seremban dan Port Dickson sebagai kawasan pemasaran produk (Rajah 5.9).
vi. Memastikan kawasan-kawasan ternakan sedia ada dikekalkan.
vii. Menggunakan tanah secara optimum dengan kaedah pembangunan tanah bersepadu (padang ragut / TKPR / TKPU dizonkan sebagai kawasan pengeluaran ruminan (pedaging dan tenusu), pengeluaran unggas (ayam dan puyuh), pengeluaran makanan ternakan (foder) dan agro-pelancongan).
viii. Menggalakkan penyertaan syarikat dan perladangan swasta dalam industri ternakan melalui pewujudan kawasan ternakan secara integrasi dengan tanaman kekal (TAC).
ix. Membangun dan mengeksploitasikan Negeri Sembilan sebagai hub pengeluaran hasil ternakan melalui penjenamaan semula dan mengoptimumkan pengeluaran Lembah Pedaging Gemas dan Ladang Satelit Nasional.
x. Meningkatkan produk-produk tambah nilai berasaskan ternakan dengan mewujudkan pusat-pusat pembangunan usahawan industri asas tani terpilih bagi menambah pendapatan.
xi. Membangunkan Negeri Sembilan *Food Valley* di Gemas sebagai hab pengeluaran ruminan
xii. Membangunkan ladang-ladang satelit
xiii. Mengenal pasti sumber bekalan ternakan dan produk-produk industri asas tani yang berpotensi meningkatkan kualiti dan kuantiti.

xiv. Pengukuhan program pembasmian, pencegahan dan kawalan penyakit ternakan bagi memastikan ternakan selamat dan suci untuk digunakan.
xv. Menggalakkan pengusaha ternakan menyertai MyGAP seperti SALT dan GVHP.
xvi. Pengurusan dan kawalan pencemaran dari sisa industri ternakan.
xvii. Pengukuhan program kawalan pergerakan ternakan keluar masuk dari Negeri Sembilan.
xviii. Pembangunan sistem maklumat veterinar meliputi semua aktiviti jabatan dan pengumpulan maklumat berkaitan industri ternakan.
xix. Meningkatkan pendapatan penternak tradisional, semi-komersial dan komersial melalui *Hundred Breeders, Double Up Breeders* dan PINTAF.
xx. Menggalak, mengamal dan memperluaskan kaedah '*Standard Operating Procedure*' (*SOP*) di kalangan penternak bagi menghasilkan kualiti produk ternakan yang dapat memenuhi piawaian antarabangsa.
xxi. Mengutamakan makanan ternakan berkhasiat dan berkualiti bagi menghasilkan ternakan dengan '*Average Daily Gain*' (*ADG*) terbaik, sihat dan mengeluarkan daging bermutu tinggi.
xxii. Menggalakkan penternak menghasilkan produk hiliran yang diiktiraf dan mendapat sijil 'Halal' dari pihak Jakim.

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045

Rajah 5.9

KLUSTER PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN 2045

Petunjuk

- Kawasan Pemasaran
- Kawasan Pengeluaran
- Kawasan Potensi Pembangunan 2045
- Koridor Pembangunan Utama

Lain - Lain Petunjuk :

- Cadangan / Naik Taraf Jalan Raya
- Jalan Raya Utama Sedia Ada
- Cadangan Lebuh Raya
- Lebuh Raya Utama Sedia Ada
- Cadangan Laluan Keretapi
- Laluan Keretapi Sedia Ada

Cadangan Projek / Program

i. Hab pengeluaran ruminan di Gemas *(Negeri Sembilan Food Valley)*
ii. Ladang satelit

Inisiatif Pembaharuan Strategik

i. Galakan aktiviti penternakan secara komersial
ii. Mempelbagaikan jenis ternakan berpotensi seperti lebah, rusa dan lain-lain di lokasi sesuai.

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Self Sufficient Level (SSL) %	Semasa	2020	2045
Lembu / Kerbau	29.20	52.71	43.16
Kambing	23.8	41.00	16.17
Susu Segar	202.09	299.65	119.25
Ayam Daging	252.32	295.66	142.18
Ayam Telur	166.00	210.00	83.71

Agensi Pelaksana

i. Jabatan Veterinar Negeri Sembilan
ii. Jabatan dan Agensi Berkaitan
iii. Pihak Swasta

Peranan sektor akuakultur perlu dipergiatkan bagi memastikan tahap bekalan hasil perikanan dapat dipertingkatkan memandangkan tangkapan terutama di persisiran pantai Negeri Sembilan mengalami pelbagai cabaran dan tekanan terutama daripada sektor pelancongan dan perbandaran. Corak fizikal bahagian timur Negeri Sembilan menyediakan pelbagai ruang untuk aktiviti akuakultur seperti bendang, sungai, empangan dan sebagainya.

DSP 13.2 MEMPERGIATKAN POTENSI PEMBANGUNAN SEKTOR AKUAKULTUR

Langkah-Langkah Pencapaian

i. Membangunkan Negeri Sembilan *Food Valley* di Jempol.
ii. Menambah kawasan berpotensi (tanah terbiar) untuk projek akuakultur.
iii. Hasil aktiviti akuakultur akan dipertingkatkan.

iv. Menaik taraf sistem ternakan/ hatcheri bagi kawasan-kawasan sedia ada.
v. Sistem ternakan berteknologi baru akan diperkenalkan.
vi. Meningkatkan pengeluaran benih ikan dan udang.
vii. Usahawan akuakultur akan dibimbing dan disokong untuk memajukan sektor ini agar berada pada tahap yang lebih tinggi.
viii. Peralihan dari perikanan pantai kepada akuakultur.

Cadangan Projek / Program

Projek Akuakultur di Serdai (Jelebu), Kongkoi, Sg. Sepang dan Pasir Panjang

Inisiatif Pembaharuan Strategik

Meningkatkan sumbangan ekonomi sektor akuakultur.

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Kriteria	Semasa	2020	2045
Jumlah hasil penternakan akuakultur (tan metrik)	8,812.45	27,000	50,000.0
SSL (%)	17.1	70.8	100.0

Agensi Pelaksana

i. Jabatan Perikanan Negeri Sembilan
ii. Pihak Swasta

Dasar Strategik Pelaksanaan 13.3

Perikanan tangkapan merupakan salah satu aktiviti yang agak penting di Negeri Sembilan dengan adanya persisiran pantai Port Dickson dan rangkaian sungai-sungai utama. Permintaan dari hasil tangkapan ikan dijangka meningkat dengan pertambahan penduduk dan pembangunan sektor pelancongan. Dengan itu, pengurusan sumber perikanan tangkapan ini perlu dilaksanakan dengan efisien dan mampan.

DSP 13.3 MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN SUMBER PERIKANAN TANGKAPAN

Langkah-Langkah Pencapaian

i. Membangunkan Negeri Sembilan *Food Valley* di Jempol berasaskan akuakultur.
ii. Meningkatkan pembinaan tukun tiruan konservasi.
iii. Melaksanakan pembinaan tukun propagasi karang.
iv. Melaksanakan penanaman semula bakau.
v. Pemuliharaan sumber ikan asli (santuari).
vi. Menaik taraf kemudahan Pusat Ikan Hiasan (PIH) Port Dickson.
vii. Membina jeti perikanan rekreasi.
viii. Mewujudkan peguatkuasaan bagi pemantauan perairan Negeri Sembilan.
ix. Meningkatkan pengurusan perikanan tangkapan (Perikanan Darat).

Cadangan Projek / Program

i. Projek pembinaan tukun di Telok Kemang, Tanjung Tuan dan Chuah.
ii. Projek penanaman semula bakau di Jimah, Port Dickson.
iii. Projek pemuliharaan sumber ikan asli di Jeram Janggut, Lembah Jemaloi, Glami Lemi dan Kg. Sungai Petai di Lenggeng.
iv. Projek menaik taraf PIH Port Dickson.
v. Negeri Sembilan *Food Valley* di Jempol.
vi. Projek jeti perikanan rekreasi Telok Kemang.
vii. Menyediakan peralatan lengkap untuk tugas penguatkuasaan dan pemantauan perairan Negeri Sembilan.
viii. Mempergiatkan program perlepasan umum untuk spesis terpilih.

Inisiatif Pembaharuan Strategik

Meningkatkan sumbangan ekonomi sektor perikanan tangkapan.

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Projek	Sasaran
Bilangan Tukun Tiruan Konservasi	200 unit
Bilangan Tukun Propagasi Karang	200 unit
Penanaman Semula Bakau	9,000 meter persegi
Projek Pemuliharaan Sumber Ikan Asli : • Santuari Ikan Jeram Janggut • Santuari Ikan Lembah Jemaloi • Santuari Ikan Glami Lemi • Santuari Ikan Kg, Sungai Petai	 55,000 ekar 20,000 ekar 20,000 ekar 55,000 ekar
Projek Naik taraf PIH Port Dickson	Siap 2020
Projek Jeti Perikanan Telok Kemang	Siap 2017
Penyediaan Peralatan Penguatkusasaan dan Pemantauan Perairan Negeri Sembilan	2016-2020
Program Pelepasan Benih Spesis Terpilih	2.5 juta ekor

Agensi Pelaksana

i. Jabatan Perikanan Negeri Sembilan
ii. Pihak Swasta

Dasar Strategik Pelaksanaan 13.4

Sektor kecil buah-buahan dan sayur-sayuran Negeri Sembilan juga diusahakan secara giat. Pisang, nangka, nenas, tembikai, durian belanda dan jambu batu antara jenis buah-buahan yang diberi tumpuan. Manakala, tanaman sayur-sayuran banyak diusahakan di Daerah Rembau dan Kuala Pilah untuk dipasarkan di seluruh Negeri Sembilan. Selaras dengan konsep Agropolitan, tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran akan digalak dan dipergiatkan sebagai sumber bahan makanan yang dapat menampung keperluan penduduk dalam dan luar Negeri Sembilan.

DSP 13.4 MENINGKATKAN HASIL TANAMAN BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN

Langkah-langkah Pencapaian

i. Meningkat keluasan tanaman sayuran melalui program pembangunan kawasan baru dan terbiar.
ii. Meningkatkan pengeluaran dari kawasan sedia ada dan tambahan kawasan tanaman baru dan tanah terbiar untuk buah-buahan bernilai tinggi (Rajah 5.9).
iii. Buah-buahan yang diberi tumpuan adalah pisang, nangka, nenas, tembikai, durian belanda dan jambu batu.

iv. Meningkat pengeluaran hasil tanaman dari kawasan sedia ada dan baru melalui:
- Peningkatan kekerapan/ pusingan tanaman.
- Pemberian insentif (pembangunan infrastruktur, bahan input dan sistem pengairan).
- Pengamalan teknologi terkini dan amalan pertanian baik (APB) ke arah Pensijilan MyGAP dan SOM.
- Penggunaan mikrob berfaedah (EM.).
- Pemprosesan baja untuk kegunaan sendiri bagi mengurangkan kos.
- Mempertingkatkan perkhidmatan pengembangan melalui kursus, petak demonstrasi bagi tanaman terpilih dan lawatan khidmat nasihat kepada petani.
- Mengusahakan sepenuhnya rumah-rumah / kawasan terbiar dengan tanaman sayur-sayuran dan herba yang boleh menyumbang kepada pendapatan penduduk.

Cadangan Projek / Program

i. Mewartakan lebih banyak Taman Kekal Pengeluaran Makanan
ii. Ladang Rakyat di tanah kerajaan yang bersesuaian

Inisiatif Pembaharuan Strategik

Meningkatkan sumbangan ekonomi sub sektor buah-buahan dan sayur-sayuran.

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

SSL (%)	Semasa	2020	2045
Buah-Buahan	68	138	150
Sayur-Sayuran	44	81	100

Agensi Pelaksana

i. Jabatan Pertanian Negeri Sembilan
ii. Pihak Swasta

Dasar Strategik Pelaksanaan 13.5

Kawasan tanaman padi Negeri Sembilan perlu dipelihara daripada proses tukarguna sama ada kepada lain-lain tanaman mahupun untuk pembangunan perbandaran. Ini adalah untuk memastikan matlamat jaminan makanan negara peringkat Negeri Sembilan dapat dicapai dan dilaksanakan sebaik mungkin. Tahap produktiviti hasil padi perlu sentiasa berada di paras yang tinggi bagi memastikan sektor kecil ini kekal sebagai salah satu tanaman utama Negeri Sembilan dan dapat menarik golongan usahawan.

DSP 13.5 MENGEKALKAN KAWASAN TANAMAN PADI DAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI

Langkah-langkah Pencapaian

i. Untuk meningkatkan hasil padi negeri, beberapa tindakan dicadangkan untuk dilaksanakan seperti berikut:
   - Perataan tanah sawah
   - Pengamalan pakej tanaman padi
   - Pengurusan air yang baik
   - Pengurusan perosak bersepadu / Penggunaan EM
   - Melaksanakan tanaman padi Aerob
   - Mewartakan kawasan tanaman padi
   - Membangunkan pengurusan estet padi

ii. Pematuhan senarai semak tanaman padi '*Rice Check*'. '*Rice Check*' adalah panduan untuk menguruskan tanaman padi mengikut sasaran yang ditetapkan. Setiap *Check* utama mesti ditepati untuk pertumbuhan yang baik ke arah penghasilan yang tinggi. Pemantauan dan pemerhatian pokok dan status ladang dari segi pertumbuhan, pengurusan air, pembajaan, serangan rumpai dan perosaktuaian adalah penting untuk mengenalpasti masalah dan mengambil tindakan penyelesaian masalah. Pertumbuhan tanaman perlu diperhati, diukur dan disimpan data untuk panduan pengurusan musim selanjutnya.

iii. Kawasan tanah terbiar yang sesuai akan diusahakan

iv. Kekerapan tanaman 4 kali 2 tahun mulai tahun 2016.

v. Produktiviti yang disasarkan perlu mendapat kerjasama pengusaha

vi. Memajukan kawasan-kawasan baru untuk tanaman padi.

vii. Menubuhkan inkubator agar penyelidikan dapat dibuat untuk meningkatkan produktiviti tanaman.

viii. Perubahan tanaman padi kepada jenis tanaman lain di kawasan-kawasan sedia ada tidak digalakkan.

ix. Kerjasama dan tanggungjawab jabatan dan agensi berkaitan.

x. Peranan Jabatan Pengairan dan Saliran
   - Pembangunan infrastruktur dan saliran
   - Penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran
   - Sistem pengairan lengkap dapat disediakan
   - Menaik taraf sistem pengairan padi

xi. Peranan Lembaga Pertubuhan Peladang
   - Pemilikan jentera dan mekanisasi ladang
   - Penambahan unit jentera untuk pembajakan tanah sawah
   - Pemberian insentif
   - Pembekalan input pertanian seperti kapur, baja yang bermutu dan mengikut jadual tanaman
   - Pengurusan mini estet padi

xii. Peranan MARDI dan Jabatan Pertanian
   - Meningkatkan penyelidikan teknologi benih dan mekanisasi pembangunan tanaman padi / kesesuaian tanah.
   - Penanaman padi aerob (merupakan satu teknologi penanaman padi yang bertujuan untuk mengurangkan keperluan air sehingga 50% berbanding penanaman padi sawah. Teknik ini sesuai untuk kawasan padi yang mengalami kekurangan air).
   - Memastikan bekalan benih padi yang berterusan dan mudah ditanam.

Inisiatif Pembaharuan Strategik

Projek mini estet padi. Yang merupakan gabungan usaha sama antara Jabatan Pertanian, MARDI, LPP dan JPS sebagai peneraju pembangunan kawasan padi Negeri Sembilan

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Kriteria	Semasa	2020	2045
Pencapaian SSL Padi (%)	11	20	20

Agensi Pelaksana

ii. Jabatan Pertanian Negeri Sembilan
iii. MARDI
iv. JPS Negeri Sembilan
v. LPP

Dasar Strategik Pelaksanaan 13.6

Penyediaan infrastruktur dan kemudahan pemasaran hasil agro tempatan di lokasi-lokasi strategik dan kawasan tumpuan awam di kawasan bandar dan luar bandar adalah amat penting. Langkah ini akan dapat membantu petani, penternak dan nelayan tempatan memasarkan terus hasil usaha mereka kepada pelanggan dengan harga yang berpatutan dan lebih murah. Selain itu, produk jualan yang masih segar, bersih dan berkualiti dapat dipasarkan kepada pelanggan.

DSP 13.6 MENINGKATKAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN RUANG KEMUDAHAN PEMASARAN PRODUK AGRO

Langkah-langkah Pencapaian

i. Membangunkan kompleks atau ruang-ruang di lokasi yang strategik untuk pemasaran produk agro akan disediakan di setiap bandar dan pekan kecil.
ii. Mengukuhkan kerjasama dengan pasaraya besar untuk memasarkan produk agro.
iii. Meningkatkan infrastruktur dan ruang pemasaran produk agro tempatan.

Cadangan Projek / Program

i. Komplek Pasar Tani Kekal
ii. Ruang Pelbagai Guna Pekan Kecil dan Taman-Taman Perumahan

Inisiatif Pembaharuan Strategik

Meningkatkan infrastruktur dan ruang pemasaran produk agro tempatan.

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Projek	Sasaran
Komplek Pasar Tani Kekal	Bandar Utama
Ruang Pelbagai Guna	Pekan Kecil Taman Perumahan

Agensi Pelaksana

i. FAMA Negeri Sembilan
ii. Jabatan dan Agensi Berkaitan
iii. Pihak Berkuasa Tempatan
iv. Pihak Swasta

5.3 DASAR PERANCANGAN UTAMA DAN DASAR STRATEGIK PELAKSANAAN NEGERI SEMBILAN 2045 : OBJEKTIF 3

Bagi memastikan Objektif 3 iaitu "Memelihara biodiversiti mampan sebagai aset semula jadi Negeri Sembilan" dapat dicapai, sebanyak 1 DPU dan 6 DSP telah disediakan dengan perincian (**Jadual 5.14**) seperti berikut:

Jadual 5.14:
Rangka Kerja Dasar-Dasar Pembangunan Objektif 3

DPU	DSP
DPU 14: PENGURUSAN ALAM SEKITAR MELALUI PERLINDUNGAN, PEMELIHARAAN DAN PENGAWALAN AKTIVITI PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN FIZIKAL	DSP 14.1: Memelihara sumber air, lembangan sungai, pesisiran pantai, sumber biologi dan kawasan sensitif alam sekitar
	DSP 14.2: Menjaga kepentingan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) dengan penekanan terhadap pemuliharaan, menghadkan dan pengawalan rapi terhadap pembangunan
	DSP 14.3: Pengurusan dan kawalan pesisiran pantai Port Dickson bagi tujuan pengekalan biodiversiti dan pemeliharaan aset semula jadi Negeri Sembilan
	DSP 14.4: Pengurusan lembangan sungai secara bersepadu untuk menjaga kualiti air yang menjadi sumber bekalan air kepada seluruh negeri
	DSP 14.5: Kawasan hutan simpan kekal dipelihara secara berkekalan
	DSP 14.6: Pengeluaran sumber mineral secara mampan

Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

- Impak perubahan iklim, termasuk kenaikan paras laut, bagi tempoh yang tidak kurang 100 tahun.
- Kesesuaian reka bentuk dengan bentuk pesisiran pantai yang sedia ada.
- Kegunaan bahan tebus guna yang tidak tercemar, yang mungkin memberi impak negatif kepada habitat-habitat semula jadi pesisiran pantai dan lautan.
- Kesediaan laluan kepada penduduk tempatan ke kawasan pesisiran pantai (kecuali bagi kawasan yang terlarang).

xvii. Sebarang aktiviti penambakan dan tebus guna tanah harus menghormati undang-undang antarabangsa dan mengambil kira impak-impak kepada negara-negara jiran yang lain.

xviii. Pantai-pantai awam perlu diwartakan.

Agensi Pelaksana

i. JPS Negeri Sembilan
ii. Jabatan Laut Negeri Sembilan
iii. JAS Negeri Sembilan
iv. UPEN Negeri Sembilan
v. JPBD Negeri Sembilan
vi. PBT di daerah berkaitan



skala : 1 : 80,000

Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045

Rajah 5.10

KAWASAN PERSISIRAN PANTAI NEGERI SEMBILAN

Kategori Hakisan

- *Zon Kritikal*
- *Zon Stabil*
- *Zon Pemerhatian*
- *Zon Pengawalan*

Petunjuk

- *Zon 3 Batu Nautika*
- *Kawasan Tepu Bina / Komited*
- *Kawasan Potensi Pembangunan 2045*
- *Kawasan Hutan Simpanan Kekal*
- *Badan Air*

Lain - Lain Petunjuk :

- *Cadangan / Naik Taraf Jalan Raya*
- *Jalan Raya Utama Sedia Ada*
- *Cadangan Lebuh Raya*
- *Lebuh Raya Utama Sedia Ada*
- *Cadangan Laluan Keretapi*
- *Laluan Keretapi Sedia Ada*

Dasar Strategik Pelaksanaan 14.4

Bekalan air akan menjadi lebih penting dengan pertambahan penduduk dan juga pertumbuhan pembangunan. Dengan itu, adalah amat penting lembangan sungai dipelihara daripada punca-punca pencemaran yang boleh menjejaskan kualiti air. Kawasan tadahan perlu dipelihara dan tidak dibangunkan atau dijadikan ladang atau kawasan pertanian. Pengurusan lembangan sungai hendaklah melibatkan agensi-agensi yang berkaitan.

DSP 14.4 PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI SECARA BERSEPADU UNTUK MENJAGA KUALITI AIR YANG MENJADI SUMBER BEKALAN AIR KEPADA SELURUH NEGERI

Langkah-langkah Pencapaian

i. Mewartakan kawasan tadahan air untuk bekalan air bersih ke empangan-empangan dan sungai-sungai sedia ada.
ii. Penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti yang mencemarkan sungai.

Cadangan Projek / Program

Program pemantauan kualiti air di sungai-sungai utama iaitu Sg Muar dan Sg Linggi.

Inisiatif Pembaharuan Strategik

Pengukuhan perkhidmatan agensi bertanggung jawab terhadap kawal selia lembangan sungai.

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Sungai-sungai yang menjadi sumber bekalan air berada dalam kategori bersih, iaitu Indeks Kualiti Air pada 81-100 (berdasarkan JAS, Negeri Sembilan) dalam jangka 10 tahun

Agensi Pelaksana

i. BKSA Negeri Sembilan
ii. JAS Negeri Sembilan
iii. JPS Negeri Sembilan
iv. PBT di daerah berkaitan

Dasar Strategik Pelaksanaan 14.5

Kepentingan hutan sebagai sumber biodiversiti perlu dipelihara. Kadar pembangunan perbandaran dan pertanian yang pesat menyumbang kepada pengecilan saiz kawasan hutan. Kedudukan kawasan hutan utama Negeri Sembilan yang merentasi bahagian tengah negeri membentuk komponen utama sumber biodiversiti semula jadi. Ia merupakan gedung mega yang mengandungi sumber air dan pelbagai biologi flora dan fauna. Bagi mengukuhkan usaha memelihara biodiversiti semula jadi Negeri Sembilan.

DSP 14.5 KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL DIPELIHARA SECARA BERKEKALAN

Langkah-langkah Pencapaian

i. Memperkukuhkan kedudukan kawasan Hutan simpan Kekal dan merumuskan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri dan Rancangan Kerja Hutan Daerah untuk jangka masa panjang serta melaksanakan tugas pengurusan dan perlindungan sumber dan alam sekitar hutan secara teratur dan intensif. Di samping itu, penekanan juga diberi dalam aspek pengurusan hutan yang seimbang dengan keperluan hidrologi (sumber air), kepelbagaian flora dan fauna serta penstabilan ekologi hutan termasuk mengimbangi kejadian-kejadian luar jangka bencana alam.

ii. Melaksanakan operasi pengusahasilan hutan mengikut Sistem Pengurusan Memilih (SMS) secara sistematik dan terkawal demi untuk mengurangkan kerosakan terhadap dirian tinggal serta anak-anak benih dan mengawal keseimbangan ekologi serta kestabilan alam sekitar dengan melaksanakan pengusahasilan hutan mengikut Catuan Tebangan Tahunan yang telah ditetapkan. (contoh RMK-10: 2,251 hektar/ tahun).

iii. Melaksanakan kerja-kerja pemulihan hutan asli secara teratur menerusi rawatan silvikultur ke arah mencapai produktiviti hutan yang maksimum dengan mempergiatkan usaha-usaha menghutan semula kawasan-kawasan hutan simpan kekal yang kurang produktif dan tanah-tanah kerajaan yang terbiar. Mengawal selia perjalanan industri-industri berasaskan kayu ke arah mempertingkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran, meminimumkan pembaziran dan menggalakkan pertumbuhan industri hiliran berasaskan kayu; dan meningkatkan nilai tambahan kepada industri dan hasil negeri serta memberi khidmat nasihat teknikal kepada pihak-pihak berkenaan dari semasa ke semasa berhubung dengan pembangunan dan penggunaan teknologi moden dan canggih.

iv. Merancang, mengenal pasti, membangun, menyelenggara dan menyelia kawasan HSK sebagai kawasan produk ekopelancongan yang berdaya saing dan komersil tanpa menjejaskan kestabilan alam sekitar. Selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri, penekanan perlu diberi kepada konsep "*Think and Act Tourism*" dalam pembangunan di kawasan-kawasan rekreasi seluruh Negeri Sembilan.

v. Melaksanakan aktiviti-aktiviti pengembangan, publisiti dan seranta kepada semua lapisan masyarakat untuk meningkatkan kesedaran awam tentang peranan dan perkhidmatan Jabatan Perhutanan; memberi segala bentuk nasihat teknikal berhubung dengan hutan dan fungsinya serta berkenaan dengan pokok dan peranannya; serta meningkatkan kecekapan kakitangan menerusi program-program pembangunan kapasiti termasuk menyediakan latihan, kursus dan seminar untuk memberi pendedahan asas profesionalisme perhutanan di kalangan pegawai-pegawai hutan mengikut peredaran masa.

vi. Melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan hutan secara berkesan dan intensif berdasarkan peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993), Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 dan Kaedah-kaedah Industri Berasaskan Kayu 1992 serta peruntukan lain yang berkaitan. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan juga perlu melengkapkan pasukan atau unit penguatkuasaan termasuk mewujudkan jawatan tetap Penasihat Undang-Undang Jabatan dan Pegawai Penyiasat serta dilengkapi dengan kenderaan dan alat-alat kemudahan bersesuaian di samping latihan kemahiran.

Cadangan Projek / Program

i. Program perhutanan semula di lokasi sesuai (**Rajah 5.11**).
ii. Penyediaan Pelan Induk CFS Negeri Sembilan
   - Koridor CFS SL 6 : HSK Triang-HSK Kenaboi
   - Koridor CFS SL 7 : HSK Angsi-HSK Berembun

Inisiatif Pembaharuan Strategik

Memelihara HSK sebagai sumber biodiversiti negeri dan negara

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Pengekalan keluasan kawasan hutan simpan kekal sedia ada sehingga tahun 2045 iaitu seluas 155,824 hektar.

Agensi Pelaksana

i. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
ii. Pejabat Tanah dan Daerah di daerah berkaitan
iii. UPEN Negeri Sembilan

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045

Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045

Rajah 5.11

HUTAN SIMPANAN KEKAL DAN JENIS PENGKELASAN

Jenis Pengkelasan

- *Hutan Tadahan Air*
- *Hutan Dara*
- *Hutan Pelajaran*
- *Hutan Hidupan Liar*
- *Hutan Penyelidikan*
- *Hutan Lipur*

Lain - Lain Petunjuk :

- *Hutan Simpanan Kekal*
- *Sempadan Central Forest Spine (CFS)*
- *Cadangan / Naik Taraf Jalan Raya*
- *Jalan Raya Utama Sedia Ada*
- *Cadangan Lebuh Raya*
- *Lebuh Raya Utama Sedia Ada*
- *Cadangan Laluan Keretapi*
- *Laluan Keretapi Sedia Ada*

Dasar Strategi 6

Kepentingan sekt eba
Sembilan agak ke s
yang terhad. Terda u
proses perbandaran
untuk menyumbang
membangunkan akti ar

Langkah ncapai

i. Set onan pe
kaw g dikena
ber erlu diruju
Pan n dan khidm
faed epada pelb
pihak kuasa tempat
ii. Pihak G perlu mem
untuk engenal pasti
Negeri Sembilan. La
mema gkin semula pe
sub s tor pembuata
ekon yang penti
iii. Kaw dan ta
sum mine
pe
iv. Se
c

Cada

5.4 DASAR PERANCANGAN UTAMA DAN DASAR STRATEGIK PELAKSANAAN NEGERI SEMBILAN 2045 : OBJEKTIF 4

Bagi memastikan Objektif 4 iaitu "Membangunkan modal insan berkualiti dan berdaya saing" dapat dicapai, sebanyak 1 DPU dan 4 DSP telah disediakan dengan perincian (**Jadual 5.15**) seperti berikut:

Jadual 5.15:
Rangka Kerja Dasar-Dasar Pembangunan Objektif 4

DPU	DSP
DPU 15: SASARAN PENDUDUK NEGERI SEMBILAN 2.95 JUTA ORANG PADA TAHUN 2045	DSP 15.1: Menggalakkan pertambahan jumlah penduduk mencapai 2.95 juta orang pada tahun 2045 di Negeri Sembilan
	DSP 15.2: Meningkatkan pertumbuhan penduduk bagi membentuk masyarakat berdaya saing dan menyokong pencapaian matlamat pembangunan Negeri Sembilan 2045
	DSP 15.3: Meningkatkan taraf kehidupan golongan berpendapatan rendah kepada berpendapatan tinggi dan mencapai sasaran kemiskinan sifar pada tahun 2020
	DSP 15.4: Membangunkan dan meningkatkan kualiti institusi pengajian tinggi peringkat tertier bagi melahirkan modal insan berkualiti dan meningkatkan sumber ekonomi tempatan

Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

Berasaskan alternatif pilihan, unjuran penduduk mengikut daerah di Negeri Sembilan adalah seperti **Jadual 5.16.** Menjelang tahun 2045, Daerah Seremban akan kekal sebagai kawasan tumpuan utama penduduk di Negeri Sembilan iaitu sejumlah 1,701,902 penduduk dengan pertumbuhan purata 3.42% setahun. Manakala Daerah Jelebu dijangka mempunyai jumlah penduduk paling rendah iaitu berjumlah 76,993 dengan pertumbuhan purata 2.18% setahun. Selain Daerah Seremban, lain-lain daerah yang akan menjadi tumpuan penduduk adalah Daerah Port Dickson (371,230), Daerah Jempol (266,179) dan Daerah Tampin (210,731). Daerah Port Dickson dijangka merekodkan pertumbuhan penduduk paling tinggi iaitu pada kadar purata 3.86% setahun berbanding Daerah Jelebu dengan pertumbuhan penduduk paling rendah iaitu pada kadar purata 2.18% setahun.

Jadual 5.16 :
Unjuran Penduduk Mengikut Daerah, Negeri Sembilan, 2010-2030

Daerah	2015	2020	2025	2030	2035	2040	2045	KPPT (%) 2015-2045
Seremban	620,100	801,603	991,980	1,229,192	1,488,324	1,595,465	1,701,902	3.42
Port Dickson	119,300	148,512	189,294	242,616	303,793	337,060	371,230	3.86
Jempol	115,600	124,770	155,785	193,866	232,105	248,730	266,179	2.82
Rembau	45,900	53,890	67,226	86,064	105,482	114,072	123,170	3.35
Kuala Pilah	67,100	77,121	101,185	134,742	170,616	186,874	204,312	3.78
Tampin	90,200	103,021	125,891	155,364	184,732	197,434	210,731	2.87
Jelebu	40,300	42,670	49,609	59,369	68,822	72,834	76,993	2.18
Jumlah	**1,098,500**	**1,351,587**	**1,680,971**	**2,101,213**	**2,553,874**	**2,752,468**	**2,954,516**	**3.35**

Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

Alternatif ini dipilih berasaskan kepada faktor berikut:

a. Projek mega MVV akan menjadi koridor pembangunan dengan asas ekonomi yang kukuh dan mampan yang akan menyokong dan menampung limpahan pembangunan daripada *Greater* Kuala Lumpur.
b. MVV akan berperanan sebagai hub pembangunan pendidikan, pelancongan, perkhidmatan perdagangan, perindustrian dan bioteknologi dengan alam persekitaran kehidupan yang sejahtera. Kesemua aktiviti perbandaran tersebut yang akan dilaksanakan di MVV merupakan sektor utama yang akan memacu pertumbuhan ekonomi di Negeri Sembilan di masa hadapan. Sehubungan itu, perkembangan pesat bagi kesemua sektor tersebut dijangka akan dapat menyediakan

lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dan seterusnya menarik penduduk masuk ke Negeri Sembilan.

c. Projek MVV merupakan strategi pembangunan utama kerajaan negeri bagi menjadikan Negeri Sembilan secara keseluruhan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi baru yang berdaya maju dan berdaya saing seiring dengan *Greater* Kuala Lumpur.

DPU 15

SASARAN PENDUDUK NEGERI SEMBILAN 2.95 JUTA ORANG PADA TAHUN 2045

Dasar Strategik Pelaksanaan 15.1

Bagi tempoh 2000-2010, jumlah penduduk di Malaysia merekodkan pertambahan sebanyak 23.81% daripada 22.2 juta pada tahun 2000 kepada 27.5 juta orang pada tahun 2010. Ia mencatatkan pertumbuhan purata 2.16% setahun. Antara negeri yang merekodkan pertumbuhan penduduk melebihi peringkat nasional termasuklah Negeri Johor (2.25%), Melaka (2.70%), Pulau Pinang (2.17%), Selangor (3.06%) dan Sabah (2.36%). Pada amnya, negeri-negeri tersebut mengalami kepesatan pembangunan fizikal dan sosioekonomi yang amat pesat berbanding lain-lain negeri di Malaysia. Manakala lain-lain negeri merekodkan pertumbuhan penduduk di bawah 2.0% setahun.

Negeri Sembilan merekodkan pertumbuhan penduduk purata 1.74% setahun iaitu daripada 829,774 orang pada tahun 2000 kepada 986,204 orang pada tahun 2010. Dijangka dengan adanya perancangan MVV akan melonjakkan jumlah penduduk di Negeri Sembilan.

DSP 15.1 MENGGALAKKAN PERTAMBAHAN JUMLAH PENDUDUK MENCAPAI 2.95 JUTA ORANG PADA TAHUN 2045 DI NEGERI SEMBILAN

Langkah-langkah Pencapaian

i. Mengurangkan kecenderungan migrasi keluar dan menggalakkan migrasi masuk melalui penyediaan peluang-peluang asas ekonomi baru dan persekitaran kehidupan berkualiti.
ii. Cadangan pembangunan hendaklah mengambil kira potensi menggalakkan penduduk umur aktif yang bekerja di negeri bersebelahan tinggal di Negeri Sembilan (*commuters community),* dan ini boleh dicapai dengan penyediaan infrastruktur perhubungan yang baik.
iii. Menjana penduduk perantaraan *(transient community)* bagi meningkatkan jumlah penduduk negeri melalui cadangan kemudahan seperti pendidikan, pelancongan dan perubatan. Golongan sasaran ialah pelajar IPT, peserta program `*My Second Home*' dan tenaga kerja ekspatriat profesional dan berkemahiran. Namun, kemasukan warga asing perlulah berdasarkan penetapan dasar di peringkat negeri.
iv. Menggalakkan penduduk perantaraan *(transient community)* seperti golongan penuntut IPT / Institusi Kemahiran untuk terus tinggal di Negeri Sembilan setelah menamatkan pengajian. Ini dapat dicapai melalui penyediaan kemudahan k-ekonomi rentas sempadan yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan dan pendapatan yang baik serta bersaing di dalam bidang ekonomi.

Inisiatif Pembaharuan Strategik

Memastikan pelaksanaan perancangan MVV

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Kriteria	Semasa	2020	2030	2040	2045
Penduduk	1.1 juta	1.35 juta	2.1 juta	2.75 juta	2.95 juta

Agensi Pelaksana

i. UPEN Negeri Sembilan
ii. JPBD Negeri Sembilan
iii. PBT daerah berkaitan
iv. Pihak Swasta

Dasar Strategik Pelaksanaan 15.2

Penumpuan perlu diberi kepada pembangunan dan pertumbuhan penduduk supaya mampu menyahut cabaran Pemodenan Negeri Sembilan menjelang tahun 2045. Perancangan teliti disediakan bagi memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai.

DSP 15.2 MENINGKATKAN PERTUMBUHAN PENDUDUK BAGI MEMBENTUK MASYARAKAT BERDAYA SAING DAN MENYOKONG PENCAPAIAN MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2045

Langkah-langkah Pencapaian

i. Pertumbuhan penduduk secara semula jadi melalui program-program kesihatan, pendidikan dan gaya hidup sihat yang boleh meningkatkan tahap kesuburan / kesihatan yang tinggi di dalam usaha meningkatkan kadar kelahiran.
ii. Pertambahan penduduk akibat migrasi ke Negeri Sembilan perlu juga diambil kira terutama dalam penyediaan pelbagai jenis kemudahan bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk.
iii. Menyediakan kemudahan perubatan yang lengkap dan selesa bagi mengekalkan tahap kesihatan yang tinggi dan mengurangkan kadar kematian.
iv. Memastikan tahap kebersihan dan keselamatan dikekalkan dan dipertingkatkan bagi mengurangkan berlakunya penyebaran wabak penyakit dan kemalangan seterusnya mengurangkan kadar kematian.
v. Memperkukuhkan peranan balai raya / dewan orang ramai / masjid sebagai pusat pertumbuhan pintar bagi menghasilkan modal insan berkualiti.

Kriteria Pemodenan Negeri Sembilan 2045

Kriteria	Semasa	2020	2030	2040	2045
Penduduk	1.1 juta	1.35 juta	2.1 juta	2.75 juta	2.95 juta

Agensi Pelaksana

i. UPEN Negeri Sembilan
ii. PBT daerah berkaitan
iii. Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
iv. Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
v. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan

Dasar Strategik Pelaksanaan 15.3

Bilangan penduduk miskin terkini di Negeri Sembilan (2012) semakin berkurangan dengan hanya 0.5% dan miskin tegar 0.1%.

Jadual 5.17:
Kadar Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar Mengikut Negeri dan Strata,
2009 dan 2012

Negeri	Kadar Kemiskinan (%)						Kadar Kemiskinan Tegar (%)					
	2009			2012			2009			2012		
	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar
Johor	1.3	0.8	2.6	0.9	0.7	1.4	0.1	-	0.3	0.1	0.1	-
Kedah	5.3	2.2	7.6	1.7	1.1	2.6	0.8	0.2	1.3	0.1	-	0.4
Kelantan	4.8	3.1	5.8	2.7	1.8	3.4	1.0	0.5	1.3	0.3	0.2	0.4
Melaka	0.5	0.3	1.2	0.1	0.2	-	0.1	0.2	0.1	-	-	-
Negeri Sembilan	0.7	0.7	0.8	0.5	0.5	0.3	0.1	0.1	-	0.1	0.1	-
Pahang	2.1	0.7	3.5	1.3	1.1	1.4	0.3	-	0.5	0.2	0.2	0.2
Pulau Pinang	1.2	1.1	1.7	0.6	0.5	1.0	0.1	0.2	0.1	0.0	0.1	-
Perak	3.5	2.1	6.0	1.5	1.1	2.2	0.5	0.3	1.0	0.2	-	0.4
Perlis	6.0	4.1	7.3	1.9	0.9	2.6	0.8	0.5	1.0	0.5	0.2	0.6
Selangor	0.7	0.4	3.2	0.4	0.2	2.3	0.1	0.03	0.7	0.0	0.0	-
Terengganu	4.0	2.0	6.1	1.7	1.5	2.0	0.5	0.3	0.9	0.2	0.2	0.2
Sabah	19.7	9.8	32.8	8.1	5.3	12.7	4.8	2.0	8.5	1.6	0.6	3.2
Sarawak	5.3	2.3	8.4	2.4	1.1	4.0	1.0	0.1	2.0	0.3	0.3	0.4
Kuala Lumpur	0.7	0.7	-	0.8	0.8	-	0.1	0.1	-	0.1	0.1	-
W.P. Labuan	4.3	4.4	3.9	1.1	0.6	2.7	0.7	0.6	1.0	-	-	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Semenanjung	2.0	1.0	4.7	1.0	0.7	2.0	0.3	0.1	0.8	0.1	0.1	0.2
Sabah & Labuan	19.2	9.5	32.2	7.8	5.1	12.5	4.7	2.0	8.3	1.6	0.6	3.2
Sarawak	5.3	2.3	8.4	2.4	1.1	4.0	1.0	0.1	2.0	0.3	0.3	0.4
Malaysia	3.8	1.7	8.4	1.7	1.0	3.4	0.7	0.2	1.8	0.2	0.1	0.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

DSP 15.3

MENINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN GOLONGAN BERPENDATAN RENDAH KEPADA BERPENDAPATAN TINGGI DAN MENCAPAI SASARAN KEMISKINAN SIFAR PADA TAHUN 2020

Langkah-langkah Pencapaian

i. Menyelaras segala perancangan dan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan.
ii. Mengadakan usaha sama dengan institusi pengajian tinggi bagi menyediakan latihan dan kemahiran diri dalam bidang-bidang ekonomi baru dan sedia ada untuk menambah pendapatan isi rumah.
iii. Pembiayaan kewangan / projek-projek melalui pinjaman jangka pendek dan sederhana, suntikan / bantuan modal serta usaha sama / perkongsian bijak dengan badan-badan korporat.
iv. Menggalakkan kursus / latihan keusahawanan dan penghasilan produk.
v. Menggalakkan usahawan menceburi dunia k-ekonomi dan ekonomi kreatif.

Agensi Pelaksana

i. UPEN Negeri Sembilan
ii. JPBD Negeri Sembilan
iii. PBT daerah berkaitan
iv. MARA
v. KEMAS
vi. JKM

Dasar Strategik Pelaksanaan 15.4

Kewujudan institusi pengajian tinggi awam dan swasta boleh membantu meningkatkan kualiti sumber manusia dan sumber ekonomi tempatan. Selain mengeluarkan lulusan yang berilmu dan berkemahiran, institusi pengajian tinggi melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalanka, lebih-lebih lagi jika melalui jaringan industri dengan organisasi kerajaan dan sektor swasta tempatan boleh membantu memperolehi teknik dan pendekatan inovatif dalam menggerakkan sumber ekonomi tempatan.

DSP 15.4 MEMBANGUNKAN DAN MENINGKATKAN KUALITI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI PERINGKAT TERTIER BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN BERKUALITI DAN MENINGKATKAN SUMBER EKONOMI TEMPATAN

Langkah-langkah Pencapaian

i. Menyediakan tapak yang dilengkapi kemudahan utiliti dan infrastruktur di lokasi yang sesuai untuk pembukaan universiti atau cawangan universiti / institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara dengan berfokuskan kepada bidang hospitaliti, bioteknologi dan agroteknologi.
ii. Menggalakkan jaringan dan kerjasama antara universiti / institusi pengajian tinggi di Negeri Sembilan dengan organisasi / agensi kerajaan dan sektor swasta dalam membangunkan sumber ekonomi tempatan meliputi bidang agroteknologi, bioteknologi, perhutanan dan biodiversiti serta bidang-bidang lain yang berkaitan dengan ekonomi dan sumber di Negeri Sembilan.

Agensi Pelaksana

i. Kementerian Pengajian Tinggi
ii. UPEN Negeri Sembilan
iii. JPBD Negeri Sembilan
iv. PBT daerah berkaitan

5.5 DASAR PERANCANGAN UTAMA DAN DASAR STRATEGIK PELAKSANAAN NEGERI SEMBILAN 2045 : OBJEKTIF 5

Bagi memastikan Objektif 5 iaitu "Memperkukuhkan sistem pengurusan dan pelaksanaan RSNS 2045 dapat dicapai, sebanyak 1 dasar perancangan utama dan 3 dasar strategik pelaksanaan telah disediakan dengan perincian (**Jadual 5.18**) seperti berikut:

Jadual 5.18:
Rangka Kerja Dasar-Dasar Pembangunan Objektif 5

DPU	DSP
DPU 16: PEMANTAPAN SISTEM PENTADBIRAN NEGERI DAN MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN RS BAGI MENCAPAI MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN	DSP 16.1: Pemantapan sistem pengurusan dan pentadbiran Negeri Sembilan bagi melaksanakan keperluan RSNS 2045.
	DSP 16.2: Menambah baik sistem pelaksanaan dan pemantauan setiap dasar dan cadangan RSNS 2045 berdasarkan strategi kerjasama bersepadu setiap agensi pelaksana
	DSP 16.3: Menggalakkan konsep pelaksanaan projek secara *'public-private partnership'*

Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

5.5.1 Dasar Perancangan Utama 16

Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 (RSNS 2045) merupakan dokumen perancangan yang memandu dan mengawal pembangunan fizikal seluruh Negeri Sembilan sehingga tahun 2045. Kerjasama dan penglibatan penuh semua agensi di peringkat negeri adalah penting bagi memastikan dasar di dalam RS ini berdaya laksana.

DPU 16

PEMANTAPAN SISTEM PENTADBIRAN NEGERI DAN MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN RS BAGI MENCAPAI MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN

Dasar Strategik Pelaksanaan 16.1

Sistem pengurusan dan pentadbiran di Negeri Sembilan perlu dimantapkan terutamanya dari segi struktur organisasi, tahap profesionalisme, kualiti perkhidmatan dan kecekapan, interaksi dengan orang awam dan juga sumber kewangan bagi memastikan agenda pembangunan dapat dilaksanakan sebagaimana perancangan RSNS 2045. Penambahbaikan yang dicadangkan adalah melalui DSP berikut:

DSP 16.1 PEMANTAPAN SISTEM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN NEGERI SEMBILAN BAGI MELAKSANAKAN KEPERLUAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045

Langkah-langkah Pencapaian

i. Memantapkan sistem pengurusan dan pentadbiran negeri melalui penambahbaikan kualiti perkhidmatan dan peningkatan interaksi dengan orang awam dan juga pengukuhan sumber kewangan setiap agensi pelaksana pembangunan.
ii. Tahap kecekapan urus tadbir setiap jabatan / agensi dan PBT perlu dipantau berdasarkan sistem pemantauan KPI dari semasa ke semasa.
iii. Menaik taraf tahap profesionalisme di setiap jabatan / agensi dan juga PBT terutamanya pengarah yang memerlukan penjawatan di tahap Jusa.
iv. Meningkatkan aplikasi ICT dalam sistem pengurusan semua jabatan agensi dan PBT dalam Negeri Sembilan.

v. Menguatkuasakan peruntukan dalam Akta 172 tanpa pengecualian kepada mana-mana pihak tertentu.

Agensi Pelaksana

i. Kerajaan Negeri Sembilan
ii. SUK Negeri Sembilan
iii. UPEN Negeri Sembilan
iv. JPBD Negeri Sembilan
v. Semua jabtan dan agensi Negeri Sembilan
vi. Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan

Dasar Strategik Pelaksanaan 16.2

Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan RS perlu dimantapkan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan mekanisme sedia ada dan memastikan agenda pembangunan dapat dilaksanakan sebagaimana perancangan dalam RS. Strategi kerjasama bersepadu antara setiap agensi pelaksana dibentuk bagi memantapkan penggunaan RS sebagai dokumen rasmi pembangunan Negeri. Penambahbaikan yang dicadangkan adalah melalui DSP berikut:

DSP 16.2 MENAMBAH BAIK SISTEM PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN SETIAP DASAR DAN CADANGAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045 BERDASARKAN STRATEGI KERJASAMA BERSEPADU SETIAP AGENSI PELAKSANA

Langkah-langkah Pencapaian

i. Menubuhkan suatu jawatankuasa khas di peringkat Negeri dan juga PBT untuk menyelaras, memantau pelaksanaan dasar, program, projek dan unjuran yang dicadangkan oleh RS. Peranan Jawatankuasa ini:
   - Memastikan pemakaian RS sebagai dokumen rasmi pembangunan Negeri adalah menyeluruh.
   - Memastikan setiap agensi pelaksana adalah jelas dengan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam melaksanakan agenda pembangunan RS bagi mengelakkan konflik dan salah faham.
   - Meningkatkan kerjasama dan semangat *'ownership of the plan'* antara setiap agensi pelaksana dalam menyalurkan maklumat-maklumat penting sepanjang proses pelaksanaan RS.

Dasar Strategik Pelaksanaan 16.3

Konsep *'public-private partnership'* antara pihak kerajaan, pihak swasta dan juga orang awam dibentuk bagi menjalankan projek-projek pembangunan yang melibatkan kos yang tinggi melebihi bajet Kerajaan Negeri. Konsep ini telah diaplikasikan oleh beberapa negara maju sebagai pendekatan yang ideal bagi mengatasi isu kekangan sumber kewangan oleh pihak kerajaan untuk memajukan sesebuah kawasan dan juga isu polisi dan prosedur yang rumit membantutkan penglibatan pihak swasta dalam pembangunan tertentu. Penglibatan orang awam yang terlibat secara langsung dengan projek-projek tersebut juga lebih aktif dan sistematik melalui pendekatan ini. Penambahbaikan yang dicadangkan adalah melalui DSP berikut:

DSP 16.3 MENGGALAKKAN KONSEP PELAKSANAAN PROJEK SECARA *'PUBLIC-PRIVATE PARTNERSHIP'*

Langkah-langkah Pencapaian

i. Membentuk rangka kerja *Public-Private Partnership* yang melibatkan agensi / jabatan kerajaan, PBT, pihak swasta dan orang awam.
ii. Menubuhkan suatu perbadanan khas yang mengaplikasikan konsep *'Public-Private Partnership'* bagi mana-mana projek pembangunan yang melibatkan kos pembangunan tinggi.

Inisiatif Pembaharuan Strategik

i. Membentuk rangka kerja *Public-Private Partnership*.
ii. Menubuhkan Perbadanan Khas bagi projek pembangunan kos tinggi.

Agensi Pelaksana

i. Kerajaan Negeri Sembilan
ii. SUK Negeri Sembilan
iii. UPEN Negeri Sembilan
iv. JPBD Negeri Sembilan
v. Semua jabatan dan agensi Negeri Sembilan
vi. Pihak Swasta
vii. Orang Awam